

(16 Januari 2021) p33mo, p5

Taman awam, rekreasi di KL dibenarkan beroperasi semula

KUALA LUMPUR – Semua taman awam dan rekreasi di Wilayah Persekutuan dibuka semula kepada orang ramai bermula semalam walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang dilaksanakan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, kebenaran itu bagaimanapun dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Menurutnya, pengunjung tidak dibenarkan menjalankan aktiviti berkumpulan seperti senam robik dan aktiviti perniagaan tidak dibenarkan beroperasi di situ.

“Selepas menimbang semula, kita memutuskan taman awam DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) hendaklah dibuka tetapi dikawal selia dan SOP mesti dipatuhi.

“Lazimnya, apabila taman dibuka, ada kumpulan buat riadah dan berkelah selagi ia tidak bertentangan dengan SOP KKM (Kementerian Kesihatan),” katanya menerusi live di Facebook miliknya semalam.

Terdahulu, DBKL memaklumkan penutupan semua taman-taman awam di bawah seliaan DBKL termasuk fasiliti di dalamnya sepanjang tempoh



ORANG ramal yang tinggal di Kuala Lumpur dibenarkan untuk beriadah sepanjang tempoh PKP dengan SOP yang ketat. – GAMBAR HIASAN

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 13 Januari hingga 26 Januari 2021.

Ia selaras dengan pengumuman Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berhubung arahan penutupan taman awam di negeri-negeri di bawah PKP.

Dalam pada itu, Annuar berkata, semua premis serta kedai cermin mata di Wilayah Persekutuan juga dibenar membuka

perniagaan mereka sebagai sebahagian khidmat yang diperlukan oleh rakyat.

Sementara itu, beliau memaklumkan Kementerian Wilayah Persekutuan akan melancarkan Program MY5 pada bulan depan.

Katanya, satu pendekatan baharu diperkenal di bawah program itu iaitu MyBeras untuk golongan memerlukan termasuk asnaf mendapatkan bantuan beras.